

04/08/2003

Parti gabungan Keadilan, PRM dilancar

KUALA LUMPUR: Walaupun belum diluluskan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS), Parti Keadilan Rakyat (Keadilan) - gabungan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) tetap dilancarkan semalam.

Pelancaran Parti Keadilan Rakyat itu diadakan di Dewan Perhimpunan China Selangor dan dihadiri pemimpin dan penyokong kedua-dua parti itu serta pemimpin pembangkang lain termasuk Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Presiden DAP, Lim Kit Siang.

Parti baru itu akan diketuai Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, manakala Presiden PRM, Dr Syed Husin Ali sebagai timbalannya.

Ia akan mempunyai tujuh naib presiden iaitu Chuan Tian Chang atau lebih dikenali sebagai Tian Chua, Datuk Hafshah Harun dari Sarawak, Lee Sang dan Mohamed Azmin Ali dari Selangor, Dr Sanusi Osman dari Kuala Lumpur serta Datuk Sheikh Azmi Ahmad dan peguam, Sivarasa Rasiah.

Parti baru itu juga melantik Abdul Rahman Othman sebagai setiausaha agungnya, Datuk Kamarul Bahrin Abbas sebagai bendahari, Mohamad Ezam Mohd Nor sebagai ketua pemuda, Fuziah Salleh ketua wanita dan Rustam A Sani sebagai ketua penerangan.

Ia turut melantik 41 anggota majlis tertinggi, empat timbalan setiausaha agung iaitu Ang Hiok Gai, Mustaffa Kamil Ayub, Hassan A. Karim dan Dr A. Xavier Jayakumar manakala Lim Yoon Pang sebagai timbalan bendahari, Irene Fernandez timbalan ketua Wanita dan Faizal Sanusi timbalan ketua pemuda.

Sempena pelancaran itu Parti Keadilan Rakyat juga mengumumkan manifesto 17 perkara yang diperjuangkannya, antaranya ialah mewujudkan masyarakat yang adil dan negara yang demokratik, progresif dan bersatu, kebebasan akhbar dan kehakiman serta institusi keselamatan yang profesional.

Dalam ucapannya, Dr Wan Azizah berkata, percantuman Keadilan dan PRM adalah yang pertama tapi bukan yang terakhir dan parti itu membuka pintu kepada parti lain untuk menyertai mereka.

Beliau juga mengumumkan parti baru itu akan menerima ahli wanita muda yang akan didaftar dan diserap sebagai ahli Pergerakan Pemuda.

Pada sidang akhbar selepas itu, Dr Wan Azizah mengumumkan keputusan Majlis Tertinggi Barisan Alternatif (BA) untuk membentangkan belanjawan BA 2004 pada 10 September ini, dua hari lebih awal daripada pembentangan belanjawan negara oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

BA juga katanya, memutuskan untuk mengadakan konvensyen nasional pada 28 September ini sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum.

Hadi yang turut hadir pada sidang akhbar itu berharap percantuman Keadilan dan PRM akan menambah kekuatan pembangkang khususnya BA dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Naib Presiden Pas, Mustafa Ali yang diminta mengulas mengenai pilihan raya umum akan datang mengakui memang sukar untuk BA menawan semua negeri tetapi optimis mereka akan mencatat kejayaan lebih baik berbanding pilihan raya 1999.